



# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 2

## SOP SEKTOR SOSIAL (PENGURUSAN JENAZAH BUKAN COVID-19)

Dikemaskini pada 6 Julai 2021

### Merangkumi

- Semua Kawasan kecuali yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Pengurusan jenazah yang disahkan positif COVID-19 .

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri.

### Waktu Operasi

Waktu bersesuaian dengan keperluan pengurusan jenazah dalam Pelan Pemulihan Negara – Fasa 2

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

### KAWALAN KAPASITI KEHADIRAN

AKTIVITI	JUMLAH INDIVIDU DIBENARKAN
Urus Jenazah (Memandikan dan mengkafankan jenazah)	5 orang (waris dan pengurus jenazah).
Solat Jenazah	12 orang dengan penjarakan. Waris yang lain boleh menunaikan Solat Jenazah Ghaib.
Solat Jenazah di Masjid	Maksimum 50 orang Jemaah.
Di Tanah Perkuburan	12 orang termasuk pengurusan pengkebumian dan waris.
Ziarah Jenazah	12 orang pada satu-satu masa tidak melebihi 1/3 ruang.

### Merangkumi

- Semua Kawasan kecuali yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Pengurusan jenazah yang disahkan positif COVID-19.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri.

### Waktu Operasi

Waktu bersesuaian dengan keperluan pengurusan jenazah dalam Pelan Pemulihan Negara – Fasa 2

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
<b>1) Kawalan penularan dan jangkitan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran tetamu;</li><li>• Tetamu yang hadir hendaklah memakai pelitup muka dengan penjarakan fizikal;</li><li>• Bersalaman, berpelukan dan bersentuhan adalah dilarang; dan</li><li>• Dilarang memeluk, menyentuh atau mencium jenazah.</li></ul>
<b>2) Kawalan dan pengesanan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Individu yang bergejala, menghidap penyakit kronik dan sedang dalam kuarantin tidak dibenarkan hadir; dan</li><li>• Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti sama ada di dalam atau di luar kawasan berkenaan.</li></ul>
<b>3) Pengurusan jenazah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurusan jenazah (mandi, kafan dan solat jenazah) boleh dilaksanakan di lokasi jenazah tersebut meninggal dunia, sama ada di hospital, di rumah atau di masjid/surau.</li></ul>